

Putra Business School UPM cipta sejarah

» **Institusi pendidikan perniagaan pertama berautonomi sepenuhnya dan diiktiraf badan dunia**

Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM) dahulunya dikenali sebagai Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan atau Graduate School of Management (GSM) mencipta sejarah apabila menjadi satu-satunya institusi menawarkan program pendidikan perniagaan pascaisiswazah IPTA yang diberi autonomi sepenuhnya dari segi pentadbiran dan pengu-

rusan kewangan serta yang pertama di Malaysia menda- pat akreditasi AACSB International atau Association to Advance Collegiate Schools of Business, berpusat di Tampa, Florida.

GSM juga merupakan salah satu daripada dua institusi diiktiraf sebagai 'Top Business School' oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pada tahun 2008,

sebagai inisiatif menaik taraf progam pendidikan perniagaan tempatan.

Kini Putra Business School ditadbir urus Yayasan Putra Business School yang ditubuhkan sejak Ogos 2011, sebuah organisasi tidak berdasarkan keuntungan. Putra Business School menawarkan empat program pascaisiswazah UPM iaitu Doktor Falsafah (Pengurusan), Master Sains (Pen-

gurusan), Master Business Administration (MBA) dan Master Pengurusan(IT).

Keistimewaan Putra Business School ialah penekanan kepada penglibatan industri di dalam kurikulum program yang ditawarkan. Lebih 20 peratus pengajar program MBA adalah mereka yang berpengalaman dari industri untuk memberi keseimbangan antara teori dan

amalan.

Niche Putra Business School ialah 'Human Governance' atau Penta'diban Insan yang menekankan kepada Insan sebagai pemegang amanah untuk mengendali sumber organisasi bagi kepentingan sejagat. Human Governance kini menjadi kandungan beberapa program eksekutif yang ditawarkan kepada pihak luar termasuk

GLCs, badan Kerajaan serta Kerajaan Bangladesh.

Dengan akreditasi AACSB, Putra Business School berada dalam kelompok elit sekolah perniagaan dunia kerana kurang lima peratus dari pada program perniagaan di dunia yang memperolehi akreditasi ini, antaranya seperti The London Business School, Harvard University dan Yale University.